



## AMALAN PROFESIONALISME GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH KEBANGSAAN DALAM ASPEK NILAI

### *PROFESSIONAL PRACTICE AMONG PRIMARY SCHOOLS' MALAY LANGUAGE TEACHERS IN TERMS OF VALUE*

Zainah Asmawi<sup>1\*</sup>, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
Email: P99784@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
Email: drmunamohammad@gmail.com

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 14.02.2021

Revised date: 20.02.2021

Accepted date: 07.03.2021

Published date: 10.03.2021

##### To cite this document:

Asmawi, Z., & Mohammad, W. M. R. W. (2021). Amalan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Dalam Aspek Nilai. *Journal of Modern Education*, 3(8), 196-210.

DOI: 10.35631/IJMOE.380016

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Konsep profesionalisme sangat berkaitan dengan tugas seseorang dalam pekerjaan. Profesionalisme guru menuntut suatu nilai yang murni agar guru melaksanakan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan berdedikasi. Ini kerana kualiti pendidikan mempunyai hubungkait dengan nilai profesionalisme guru yang akan menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Standard Guru Malaysia (2009) telah meletakkan nilai profesionalisme sebagai standard yang utama. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau amalan profesionalisme guru Bahasa Melayu Sekolah kebangsaan di daerah Klang Selangor dalam aspek nilai. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap amalan profesionalisme guru Bahasa Melayu dalam aspek nilai dan mengenal pasti tahap penilaian sendiri terhadap amalan profesionalisme guru Bahasa Melayu. Kajian kuantitatif digunakan dalam kajian ini dengan melibatkan seramai 219 orang guru. Borang soal selidik dengan ukuran lima skala likert telah digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Item-item yang digunakan adalah berpandukan Standard 1:Nilai Profesionalisme dalam Standard Guru Malaysia. Statistik deskriptif pula digunakan untuk mengetahui min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi mendapatkan dapatan yang tepat dalam proses penganalisan item-item kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Software Package for Social Science (SPSS) version 25. Hasil analisis menunjukkan amalan profesionalisme guru Bahasa Melayu dalam aspek nilai berada pada tahap tinggi iaitu 4.46. Dapatan ini menjelaskan guru-guru mengetahui dan melaksanakan amalan nilai profesionalisme dengan baik namun amalan nilai seseorang guru perlu sentiasa dipertingkatkan kerana guru adalah agen penggerak transformasi dalam sistem pendidikan. Tahap

penilaian sendiri terhadap amalan profesionalisme guru Bahasa Melayu pula mencatatkan min 3.68 pada tahap interpretasi yang tinggi. Bahagian penilaian sendiri mendapati terdapat beberapa perkara yang perlu diberi penekanan dalam kajian akan datang kerana maklumbalas daripada sampel kajian ini memberi gambaran bahawa terdapat beberapa kekurangan, wujud dalam tahap amalan profesionalisme. Keadaan ini memberi kesan kepada kualiti profesional sebagai guru Bahasa Melayu. Kesimpulannya, kesungguhan guru dalam menyempurnakan tanggungjawab terhadap pelajar, sekolah dan masyarakat mengkehendaki suatu nilai yang kukuh bagi melahirkan guru yang professional.

**Kata Kunci:**

Amalan Profesionalisme, Guru Bahasa Melayu, Sekolah Kebangsaan, Standard Guru Malaysia, Nilai

**Abstract:**

The concept of professionalism is closely related to individual job scope in any field of work. Teacher professionalism demands a value to carry out teacher's responsibilities with full commitment and dedication. As the quality of education is related to the value of teacher professionalism that will determine the effectiveness of teaching and learning. Standard Guru Malaysia (2009) has placed the value of professionalism as the main standard. Therefore, this research is conducted to review teacher's professionalism among primary schools' Malay Language teachers of Klang, Selangor in the term of value. The objective of this study is to identify the level of teachers' professional practice English in terms of value and identify the level of self-assessment of teachers' professional practice in primary schools' Malay Language teachers. Quantitative Research was used in this study involving 219 teachers. The questionnaire with five Likert scales has been used for the purpose of data collection. The items used are guided by Standard 1: Values of Professionalism in the Malaysian Teacher Standard. Descriptive statistics were used to know the mean, standard deviation, frequency, and percentage to obtain accurate findings in the process of analysis the items of study. Data obtained are analysed using Software Package for Social Science (SPSS) version 25. The result of the analysis shows that the professionalism practice of Malay Language teachers in terms of values at the high level of 4.46. The finding describes the teachers know and practice the value of professionalism well but the value practice among teachers needs to be constantly enhanced because teachers are the transformation agent in the education system. The level of self-assessment among Malay Language teachers is at the high level of 3.68 means. In self-assessment section found that there are a few items that need to be emphasized in future studies because the feedback from this study illustrated that there are some disadvantages inherent in professionalism. And this affects the quality of professionals as Malay Language teachers. In conclusion, the teacher's efforts to complete the responsibilities towards the student, school, and community requires a strong value to produce professional attitudes teachers.

**Key words:**

Professionalism, Malay Language Teachers, Primary School, Standard Guru Malaysia, The Value.

## Pengenalan

Guru berkualiti dan berkesan terhasil melalui amalan profesionalisme guru yang baik. Standard Guru Malaysia (2009) yang telah didokumentasikan melalui Bahagian Pendidikan Guru telah menetapkan satu garis panduan bagi merealisasikan matlamat melahirkan guru yang berkemampuan dan profesional. Profesionalisme dalam aspek nilai menjadi Standard Pertama dalam SGM. Ini membuktikan nilai adalah elemen yang paling penting ada pada insan guru. Pelan Pembangunan Malaysia 2013-2025 memberi penekanan dalam aspek nilai dan etika perguruan. Anjakan ketiga dalam pelan tersebut memberi tumpuan untuk melahirkan rakyat yang menghayati nilai dan anjakan yang keempat bermatlamat mentransformasikan profesion perguruan. Nilai dan etika sangat berkait rapat dan perlu diterapkan oleh guru dalam amalan profesion keguruan kerana aspek ini mempunyai implikasi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Brock (2011) kecekapan, pengetahuan dan aspek profesional terhasil melalui pemikiran dan nilai yang akan membentuk profesionalisme. Mohd Anuar Mamat et.al (2018) dalam kajiannya menjelaskan teras utama dalam etika profesion perguruan Islam merangkumi elemen adab, praktikal dan interaksi. Elemen adab akan meletakkan guru sebagai insan yang dihormati dan disegani dan dapat mengatasi sebarang masalah yang timbul berkaitan dengan etika dan akhlak dalam kalangan guru mahupun para pelajar. Pernyataan ini selari dengan Foo Say Fook (2005) bahawa guru perlu mematuhi adab dan melaksanakan etika perguruan bagi menjamin dan mengukuhkan profesionalisme. Akhir-akhir ini pelbagai isu negatif berkenaan nilai dan etika guru seringkali dipaparkan dalam pelbagai media massa. Walaupun isu atau kes-kes yang berlaku masih belum terbukti kebenarannya masyarakat pastinya memandang rendah terhadap profesion keguruan. Oleh sebab itu, kajian ini dilaksanakan bagi meninjau amalan profesionalisme guru-guru Bahasa Melayu dalam aspek nilai kerana nilai adalah tunggak utama yang akan membentuk dan melahirkan guru yang berkualiti dan mempunyai profesionalisme keguruan yang unggul.

## Literature Review

Standard Guru Malaysia (2009) telah meletakkan nilai profesionalisme dalam standard yang utama. Penekanan terhadap nilai profesionalisme di dasari oleh domain diri, domain profesion dan domain sosial. Domain diri adalah amalan nilai-nilai murni yang perlu ada pada seorang guru seperti beriman kepada Tuhan, amanah, ikhlas, sabar, berilmu, mempunyai kemahiran interpersonal dan intrapersonal yang baik dan efisien. Nilai keimanan kepada Tuhan menjadi nilai utama kerana sempurnanya nilai ini akan menghasilkan nilai-nilai murni yang lain. Selain itu, nilai ikhlas guru semasa melaksanakan tanggungjawab mengajar dapat membina hubungan yang akrab antara guru dan murid. Domain profesion pula menjelaskan tanggungjawab terhadap kerjaya dan tugas menuntut guru agar fokus terhadap pegangan sikap-sikap seperti berintegriti, berketrampilan, berkolaboratif dan proaktif. Selain itu, domain sosial juga sangat rapat dengan kehidupan guru. Guru adalah agen perubahan sosialisasi bagi melahirkan modal insan dalam masyarakat. Menurut OECD "*Organization for Economic Cooperation and development*" (2016) pengetahuan, kemahiran dan amalan adalah elemen penting untuk menjadi seorang guru yang profesional.

Menurut Mohd Anuar Mamat et.al (2018) dalam kajian bertajuk "Domain Diri Dalam Adab Guru Menurut Imam Abu Hanifah (Kajian Ke Arah Membentuk Etika Profesion Perguruan Islam)" profesionalisme keguruan sangat berkait rapat dengan keperibadian para guru. Sifat amanah dan ikhlas adalah sifat yang penting dalam hubungan dengan Allah dan juga manusia. Sifat tersebut akan melahirkan satu adab yang meletakkan pertimbangan fikiran dan

tindakan guru dilandasi yang wajar dalam menunaikan tanggungjawab sebagai seorang guru berpandukan etika keguruan. Ini selari dengan Abdul Rahman Md. Aroff (2008) yang menyatakan bahawa etika adalah satu panduan yang dapat memimpin tindakan seseorang dan juga individu semasa berhadapan dan membuat keputusan terhadap sesuatu perkara.

Kajian oleh Mohd Aizat (2019) bertajuk “Amalan Profesionalisme Guru Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia” menjelaskan bahawa profesionalisme guru akan mempengaruhi kualiti guru-guru ketika merancang pengajaran di dalam kelas dan ini akan mempengaruhi keberkesanan transformasi dalam pendidikan. Oleh kerana itu, guru perlu bersedia dengan persekitaran pendidikan yang sentiasa mengalami anjakan demi anjakan bagi mencapai objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Amalan profesionalisme guru perlu diberi penekanan khususnya dalam aspek nilai, pengetahuan dan kefahaman dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Oleh sebab itu, guru-guru perlu memahami aspek-aspek yang terkandung dalam Standard Guru Malaysia dengan lebih mendalam bagi meningkatkan dan mengekalkan tahap profesionalisme.

Selain itu, profesionalisme sangat dipengaruhi oleh faktor sikap. Kajian Jeffery Tikok (2018) bertajuk “Sikap dan Jantina Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Daerah Serian Terhadap Pemilihan Bahan Bantu Mengajar” mendapati pemilihan bahan bantu mengajar didorong oleh faktor sikap guru itu sendiri. Menurut Norma (2010) penggunaan bahan bantu mengajar akan dapat membina hubungan yang positif serta secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar. Kajian ini menunjukkan guru-guru lebih berminat menyediakan sendiri dan mengubahsuai bahan bantu mengajar untuk menghasilkan bahan yang lebih unik dan memenuhi keperluan pelajar. Nilai kerajinan seorang guru dalam kajian ini terbukti berdasarkan dapatan yang diperoleh. Guru mempunyai inisiatif dengan menghasilkan bahan bantu mengajar yang bersesuaian untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, kesediaan guru juga membentuk amalan profesionalisme guru. Kajian Ezwafahmey (2018) bertajuk “Tahap Kesediaan Guru Cemerlang Bahasa Melayu Terhadap Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional di Sekolah Menengah di Negeri Melaka” mendapati guru-guru bersedia dengan pembudayaan pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional. Menurut Hord (1997) pembudayaan komuniti pembelajaran dalam usaha penambahbaikan sekolah adalah satu proses yang memerlukan waktu untuk mendapat satu keberkesanan. Justeru itu kerjasama komuniti sekolah sangat diperlukan. Perkongsian pengalaman akan menghasilkan warga sekolah yang hebat apabila guru-guru saling bertukar-tukar idea mengenai strategi atau kaedah yang digunakan untuk meningkatkan prestasi pelajar. Jelas dilihat dalam kajian ini wujud nilai kerjasama antara guru dalam pembudayaan pelaksanaan komuniti pembelajaran.

Selain itu juga, menerusi kajian Ab. Halim Tamuri et.al (2016) bertajuk “Persepsi Murid-Murid Terhadap Amalan Guru Pendidikan Islam di Malaysia” mendapati guru adalah contoh terbaik untuk membentuk manusia yang berakhlak kerana mereka bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi membangunkan kerohanian pelajar. Menurut Abu Hanifah (2001) guru akan sentiasa menjadi contoh kepada masyarakat di sekelilingnya. Tingkah laku guru yang bersifat positif berupaya menjadi ikutan kepada para pelajar. Persepsi pelajar dalam kajian ini telah meletakkan personaliti guru yang baik sebagai sanjungan dan secara tidak langsung para pelajar akan mengamalkan sifat-sifat yang terpuji dalam kehidupan seharian.

Dalam satu kajian lain oleh Ezura Nasir (2020) bertajuk “Kesantunan Berbahasa dalam Kalangan Guru Bahasa di Sebuah Sekolah Aliran Agama” memperlihatkan bahawa pengetahuan guru dalam aspek kesantunan berbahasa sangat penting difahami dan dipraktikkan. Ini kerana kesantunan bahasa mempunyai hubungan dengan nilai keperibadian diri yang dapat menggambarkan keperibadian dan perwatakan seorang guru. Menurut Ismail dan Mat Hassan (2016) individu yang memiliki kesantunan yang indah akan sentiasa berinteraksi dengan menggunakan kata-kata yang mengandungi nilai-nilai bahasa yang halus dan berkhemah. Oleh sebab itu, guru mestilah mengamalkan kesantunan berbahasa semasa berinteraksi dengan para pelajar. Ini kerana bahasa adalah saluran terbaik dan berkesan dalam menanamkan adab dan budaya terhadap generasi akan datang.

**Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang dijalankan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Populasi kajian ini adalah guru-guru Bahasa Melayu daripada 59 buah sekolah kebangsaan di Klang, Selangor. Seramai 219 orang guru Bahasa Melayu telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Penetapan bilangan populasi dan sampel kajian adalah berpandukan Jadual Pemilihan Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Borang soal selidik mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A adalah mengenai demografi responden dan Bahagian B berkaitan Amalan Profesionalisme Guru Dalam Aspek Nilai dan Bahagian C berkaitan tahap penilaian sendiri bagi amalan profesionalisme guru Bahasa Melayu dalam aspek nilai. Item-item menggunakan ukuran lima Skala Likert sebagai petunjuk maklum balas (1-sangat tidak setuju;2-tidak setuju;3-tidak pasti;4-setuju dan 5-sangat setuju. Semua item berpandukan Dokumen Standard Guru Malaysia (2009) dan telah diubahsuai daripada kajian Jamil Abd Baser (2018) dalam kajian “Standard Guru Malaysia dalam Program Persediaan Guru Reka Bentuk Teknologi” dan kajian Mohd Aizat Abu Hassan (2019) bertajuk “Amalan Profesionalisme Guru Sekolah Rendah Di Semenanjung. Selain itu, nilai skor min daripada Majid Konting (2000) telah digunakan bagi mengenal pasti interpretasi tahap amalan profesionalisme guru seperti jadual di bawah:

**Jadual 1: Interpretasi Skor Min**

Selang Skala Min	Interpretasi
3.68 hingga 5.00	Tinggi
2.34 hingga 3.67	Sederhana
1.00 hingga 2.33	Rendah

Rujukan:Majid Konting (2000)

**Dapatan Kajian**

Data berkaitan demografi meliputi aspek jantina, umur, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar, Berdasarkan dapatan, jantina menunjukkan responden di kalangan guru perempuan seramai 121 orang atau 55.3% dan responden di kalangan guru lelaki seramai 98 orang atau 44.7%. Analisis juga mendapati bilangan guru yang berumur dalam lingkungan 36-45 tahun paling ramai berkhidmat iaitu 46.1% dan lingkungan umur 56-60 paling sedikit berkhidmat iaitu 3.2%. Merujuk aspek tahap pendidikan didapati 1 orang atau 0.5% memiliki kelulusan PhD, 13 orang atau 5.9% memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Pendidikan, 183 orang atau 83.6% memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan 22 orang atau 10% berkelulusan Sijil/ Diploma Perguruan Malaysia. Analisis berkenaan pengalaman mengajar Bahasa Melayu mendapati seramai 8 orang guru iaitu 3.7% berpengalaman mengajar Bahasa



Melayu dari 1-5 tahun manakala seramai 44 orang atau 20.1% berpengalaman mengajar Bahasa Melayu dari 6- 10 tahun. Ini diikuti seramai 62 orang guru atau 28.3% berpengalaman mengajar dari 11-15 tahun dan seramai 105 orang guru atau 47.9 % berpengalaman mengajar Bahasa Melayu lebih dari 16 tahun.

**Jadual 2: Analisis Demografi Responden**

Kriteria	Kumpulan	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	98	44.7
	Perempuan	121	55.3
Umur	25-35 tahun	34	15.5
	36- 45 tahun	101	46.1
	46-55 tahun	77	35.2
	56-60 tahun	7	3.2
	Tahap Pendidikan	Sijil/ Diploma Perguruan	22
	Ijazah Sarjana Muda	183	83.6
	Ijazah Sarjana	13	5.9
	PhD	1	.5
Pengalaman Mengajar	1 - 5 tahun	8	3.7
	6 - 10 tahun	44	20.1
	11-15 tahun	62	28.3
	Lebih 15 tahun.	105	47.9

### **Tahap Amalan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu Dalam Aspek Nilai.**

Dapatan kajian menunjukkan julat skor min terhadap amalan nilai profesionalisme guru Bahasa Melayu berada di antara 4.28 hingga 4.68. Item yang memperoleh skor min tertinggi ialah pada item 17 “Saya sentiasa berpegang teguh kepada prinsip kepercayaan kepada Tuhan” mencatat nilai min 4.68 dengan sisihan piawai 0.475 yang memperlihatkan seramai 151 orang responden (68.9%) menjawab sangat setuju dengan pernyataan ini. Walau bagaimanapun terdapat juga nilai skor min yang menunjukkan nilai ketara tinggi iaitu pada item 3 “Saya amat menegaskan kawalan disiplin semasa PdP” iaitu skor 4.63 item dengan sisihan piawai 0.484 dan seramai 138 orang responden (63.0%) sangat setuju dengan item ini. Item 18 “Saya sentiasa menerapkan nilai keyakinan kepada Tuhan dalam PdP” mencatat nilai min 4.61 dengan sisihan piawai 0.508 mencatatkan 135 orang responden (61.6%) sangat setuju dengan item ini dan item 19 “Saya mesti menjalankan tugas sebagai seorang guru atas tanggungjawab membentuk generasi yang kompeten”, iaitu skor min 4.61 dengan sisihan piawai 0.499 mencatatkan seramai 134 orang responden (61.2%) sangat setuju dengan item tersebut.

Item yang memperoleh skor min terendah ialah pada item 7 “Saya mempunyai hubungan yang baik dengan komuniti setempat” pada nilai min 4.28 dengan sisihan piawai 0.525 dan seramai 142 orang responden (64.8%) setuju dengan item ini. Item yang turut memperoleh skor min dalam kalangan terendah, iaitu pada item 11 “Saya sangat kompeten dalam aspek penilaian sekolah” yang menunjukkan nilai min 4.30 dengan sisihan piawai 0.478 dan seramai 150 responden (68.5%) setuju dengan pernyataan ini. Item 14 “Saya sangat kompeten dalam menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid” dengan nilai min 4.31 dengan sisihan piawai 0.491 dan seramai 146 orang responden (66.7%) mencatatkan setuju dengan

item ini dan pada item 6 “Saya mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa” mencatatkan skor 4.32 dengan sisihan piawai 0.567 dan seramai 134 orang responden setuju dengan item ini. Namun skor min bagi item-item tersebut masih dalam interpretasi skor min yang tinggi.

Secara keseluruhannya, Standard Nilai Profesionalisme Guru dalam Amalan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Hal ini ditunjukkan oleh jumlah keseluruhan skor min bagi keseluruhan item dalam persoalan pertama kajian ini iaitu nilai min 4.46 dengan sisihan piawai 0.377 dan nilai skor ini berada dalam interpretasi skor min tinggi.

**Jadual 3: Taburan Frekuensi, Peratusan, Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Amalan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu Dalam Aspek Nilai**

Bil	Item	Frekuensi Peratus (%)				Min	Sisihan Piawai	Interpretasi	
		STS SS	TS	TP	S				
1.	Saya sentiasa menerapkan unsur kerohanian dalam PdP	0 (0)	0 (0)	0 (0)	114 (52.1)	115 (47.9)	4.48	0.500	Tinggi
2.	Saya sentiasa menghubungkan pengajaran dengan aktiviti harian pelajar.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	127 (58.0)	92 (42.0)	4.42	0.500	Tinggi
3.	Saya amat menegaskan kawalan disiplin semasa PdP.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	81 (37.0)	138 (63.0)	4.63	0.484	Tinggi
4.	Saya sentiasa bersedia menerima tanggungjawab yang diarahkan.	0 (0)	0 (0)	1 (0.5)	114 (52.1)	104 (47.5)	4.47	0.509	Tinggi
5.	Saya mempunyai hubungan yang baik dengan murid.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	87 (39.7)	132 (60.3)	4.60	0.490	Tinggi
6.	Saya mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa.	1 (0.5)	0 (0)	5 (2.3)	134 (61.2)	79 (36.1)	4.32	0.567	Tinggi
7.	Saya mempunyai hubungan yang baik dengan komuniti setempat.	0 (0)	0 (0)	8 (3.7)	142 (64.8)	69 (31.5)	4.28	0.525	Tinggi
8.	Saya sentiasa menjaga reputasi institusi pendidikan yang menyumbang kepada kemajuan murid.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	104 (47.5)	115 (52.5)	4.53	0.501	Tinggi
9.	Saya sentiasa menjaga reputasi institusi pendidikan yang menyumbang kepada	0 (0)	0 (0)	0 (0)	106 (48.4)	113 (51.6)	4.52	0.501	Tinggi

	kemenjadian murid.								
10.	Saya sentiasa kompeten dalam aspek penilaian murid.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	137 (62.6)	82 (37.4)	4.37	0.485	Tinggi
11.	Saya sangat kompeten dalam aspek penilaian sekolah	0 (0)	0 (0)	2 (0.9)	150 (68.5)	67 (30.6)	4.30	0.480	Tinggi
12.	Saya sangat kompeten dalam aspek perbaikan berterusan sekolah.	1 (0.5)	0 (0)	0 (0)	135 (61.6)	83 (37.9)	4.37	0.537	Tinggi
13.	Saya sangat kompeten dalam aspek perbaikan berterusan murid.	0 (0)	0 (0)	2 (0.9)	130 (59.4)	87 (39.7)	4.39	0.507	Tinggi
14.	Saya sangat kompeten dalam menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid	0 (0)	0 (0)	3 (1.4)	146 (66.7)	70 (32.0)	4.31	0.491	Tinggi
15.	Saya amat kompeten dalam menerapkan kesedaran etika murid.	0 (0)	0 (0)	1 (0.5)	126 (57.5)	92 (42.0)	4.42	0.503	Tinggi
16.	Saya amat kompeten dalam perkembangan insaniah.	0 (0)	0 (0)	1 (0.5)	125 (57.1)	93 (42.5)	4.42	0.504	Tinggi
17.	Saya sentiasa berpegang teguh kepada prinsip kepercayaan kepada Tuhan.	0 (0)	0 (0)	1 (0.5)	67 (30.6)	151 (68.9)	4.68	0.475	Tinggi
18.	Saya sentiasa menerapkan nilai keyakinan kepada Tuhan dalam PdP.	0 (0)	0 (0)	2 (0.9)	82 (37.4)	135 (61.6)	4.61	0.508	Tinggi
19.	Saya mesti menjalankan tugas sebagai seorang guru atas tanggungjawab membentuk generasi yang kompeten.	0 (0)	0 (0)	1 (0.5)	84 (38.4)	134 (61.2)	4.61	0.499	Tinggi
20.	Saya sentiasa menerapkan elemen kepimpinan dalam proses PdP.	0 (0)	0 (0)	2 (0.9)	128 (58.4)	89 (40.6)	4.40	0.509	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>4.46</b>	<b>0.377</b>	<b>Tinggi</b>



### Tahap Penilaian Kendiri Terhadap Amalan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu Dalam Aspek Nilai

Jadual menunjukkan analisis dapatan kajian bagi persoalan keempat dalam bentuk skor min dan sisihan piawai. Julat skor min terhadap penilaian kendiri ialah antara 2.37 hingga 4.37. Skor min tertinggi adalah pada item 4 “Saya tekad untuk memantapkan diri dengan pengetahuan dalam bidang bahasa” mencatat nilai min 4.37 dengan sisihan piawai 0.482 dan seramai 139 orang responden (63.5%) setuju dengan pernyataan ini. Item 3 “Saya mempunyai kesungguhan yang tinggi dalam menyampaikan kemahiran pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu” mencatat nilai min 4.34 dengan sisihan piawai 0.474 dan seramai 145 orang responden (66.2%) setuju dengan item ini.

Selain itu, dapatan kajian ini mendapati nilai min terendah ialah pada nilai min 2.37 dengan sisihan piawai 1.08 dan seramai 118 orang responden (53.9%) yang dikenali pasti mencatatkan tidak setuju pada item 9 “Saya terkesan dengan isu penggunaan Bahasa Melayu pada masa kini.” diikuti dengan item 7 “Saya kurang yakin dengan amalan profesionalisme saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu” yang mencatatkan nilai min 3.40 dengan sisihan piawai 1.23 dan seramai 89 orang responden (40.6%) setuju dengan item ini. Walaupun begitu, nilai skor min keseluruhan bagi persoalan keempat kajian ini ialah 3.68 dengan sisihan piawai 0.440 dan berada pada interpretasi skor min tinggi. Secara purata penilaian kendiri terhadap amalan profesionalisme guru Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi.

**Jadual 4: Taburan Frekuensi, Peratusan, Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Penilaian Kendiri Terhadap Amalan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu Dalam Aspek Nilai.**

Bil	Item	Frekuensi Peratus (%)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
1.	Saya berpuas hati dengan amalan profesionalisme saya dari aspek nilai profesionalisme keguruan.	0 (0)	0 (0)	2 (0.9)	154 (70.3)	63 (28.8)	4.28	0.470	Tinggi
2.	Saya yakin dengan pengetahuan dan kefahaman saya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	0 (0)	0 (0)	2 (0.9)	164 (74.9)	53 (24.2)	4.23	0.445	Tinggi
3.	Saya mempunyai kesungguhan yang tinggi dalam menyampaikan kemahiran pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	145 (66.2)	74 (33.8)	4.34	0.474	Tinggi
4.	Saya tekad untuk	0	0	0	139	80	4.37	0.483	Tinggi

	memantapkan diri dengan pengetahuan dalam bidang bahasa.	(0)	(0)	(0)	(63.5)	(36.5)			
5.	Saya gemar membaca bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan bidang bahasa.	0 (0)	0 (0)	7 (3.2)	166 (75.8)	46 (21.0)	4.18	0.460	Tinggi
6.	Saya bercita-cita mendalami bidang bahasa yang sangat luas cakupannya.	0 (0)	0 (0)	11 (5.0)	159 (72.6)	49 (22.4)	4.17	0.495	Tinggi
7.	Saya kurang yakin dengan amalan profesionalisme saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu.	15 (6.8)	53 (24.2)	22 (10.0)	89 (40.6)	40 (18.3)	3.39	1.23	Sederhana
8.	Saya tidak bersedia menghadapi cabaran yang akan mempengaruhi amalan profesionalisme saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu.	13 (5.9)	52 (23.7)	18 (8.2)	98 (44.7)	38 (17.4)	3.44	1.20	Sederhana
9.	Saya terkesan dengan isu penggunaan Bahasa Melayu pada masa kini.	36 (16.4)	118 (53.9)	25 (11.4)	27 (12.3)	13 (5.9)	2.37	1.08	Sederhana
10.	Saya tidak berkeyakinan melahirkan modal insan yang menjadi matlamat pendidikan negara.	12 (5.5)	47 (21.5)	15 (6.8)	91 (41.6)	54 (24.7)	3.58	1.23	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>3.68</b>	<b>0.440</b>	<b>Tinggi</b>

## Perbincangan

Dasar proses pembangunan transformasi dalam pendidikan mengikut Dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) amat memberi penekanan terhadap pendidikan, aspek nilai dan etika perguruan. Berdasarkan analisis data amalan profesionalisme guru Bahasa Melayu pada keseluruhan skor min mencatatkan setiap item berada pada tahap yang tinggi. Skor min tertinggi ialah pada item nilai kerohanian, iaitu nilai sentiasa berpegang teguh kepada prinsip kepercayaan kepada Tuhan. Ini selari dengan pendapat Norlia (1999) yang menjelaskan bahawa profesion perguruan adalah profesion yang bertanggungjawab melahirkan insan yang lengkap dengan tanggungjawab terhadap diri sendiri, komuniti, alam dan Tuhan. Menurut Fathiah (2005) kejayaan sahsiah dan pencapaian pelajar ditentukan oleh iklim sekolah atau suasana sekolah yang menerapkan ciri-ciri Islam yang sebenar, persekitaran yang harmoni, kasih sayang, hormat-menghormati dan pelaksanaan aktiviti pendidikan.

Menurut Noran et.al (1993) perkembangan personaliti, pemikiran dan fizikal setiap manusia dipengaruhi oleh guru yang bertindak mengajar, mengasuh atau mendidik. Ini selari dalam Dokumen Standard Guru Malaysia (2009) yang menyatakan untuk menjadi guru yang profesional pegangan nilai mesti dipraktikkan tanpa niat yang tersembunyi oleh semua guru, ketika melaksanakan tanggungjawab sebagai guru. Lantaran itu, seorang guru mestilah mematuhi etika kerja Kementerian Pendidikan Malaysia, Kod Etika Guru dan Standard Guru Malaysia. Perkara-perkara yang terkandung dalam etika-etika kerja organisasi tersebut perlu diberi perhatian supaya guru yang berperanan sebagai agen sosialisasi dapat membina nilai-nilai positif. Menurut Ghazali (1992) prinsip nilai moral yang baik, berperangai dan berkelakuan yang baik dan memenuhi etika profesional perlu dimiliki oleh seseorang ahli profesional. Oleh itu, seseorang guru mestilah mempunyai minat dan iltizam yang tinggi bagi melengkapkan profesion keguruan. Pendapat ini disokong oleh Zainun (1994) bahawa untuk menunaikan tanggungjawab dengan bermakna, guru yang terbilang mestilah mempunyai kepakaran akademik dan profesional dalam bidang tugas mereka. Ini kerana cabaran sebagai seorang guru pada masa kini menuntut komitmen yang tinggi.

Menurut pandangan Esah (2002) sebagai individu yang profesional, guru seharusnya tidak meletakkan gaji sebagai keutamaan tetapi meletakkan keutamaan dengan menunaikan tanggungjawab terhadap pelajar dan masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan gaji juga perlu untuk memenuhi keperluan kehidupan dan menjadi pemangkin untuk guru melonjakkan prestasi yang lebih baik. Ini menjelaskan bahawa gaji mempengaruhi kepuasan kerja guru. Mokhtar Ahmad (1988) menyatakan kehidupan moden pada hari ini menuntut perbelanjaan yang tinggi. Guru tidak terkecuali dari tuntutan hidup dan persekitaran kerja yang sentiasa berubah-ubah. Kenyataan ini disokong oleh kajian Rozainon (1997) yang menyatakan guru-guru tidak berlapang dada dengan emolumen yang diperoleh atas faktor tidak selari dengan posisi gred pekerjaan lain dari segi kelayakan dan latar belakang akademik seorang guru.

Selain itu, profesionalisme guru mengkehendaki guru kompeten dalam perkembangan insaniah. Dapatan kajian memperlihatkan item ini juga berada pada tahap yang tinggi. Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menyatakan bahawa pendidikan adalah satu usaha yang berpanjangan bagi membangunkan potensi individu dengan menyeluruh secara sama rata dan saling berkaitan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berteraskan keimanan kepada Tuhan. Atas dasar ini, guru mestilah memiliki akhlak yang baik kerana sikap ini

mempengaruhi pemikiran, tingkahlaku dan tindakan guru dalam situasi di luar dan di dalam kelas. Hal ini dijelaskan oleh Mohd Kamal (1998) bahawa pembinaan akhlak pelajar adalah dipengaruhi oleh akhlak guru itu sendiri. Secara keseluruhannya, nilai sangat penting dalam amalan profesion keguruan kerana guru menjadi model kepada pelajar dan masyarakat. Oleh itu, guru perlu memperlihatkan imej dan personaliti diri yang positif seperti amanah dan ikhlas dalam membina hubungan dengan Allah dan masyarakat dan beretika dalam kehidupan.

Penilaian sendiri dalam kajian ini adalah penilaian yang dilakukan oleh sampel kajian berdasarkan amalan profesionalisme yang merangkumi pencapaian dalam elemen Standard Guru Malaysia. Penilaian sendiri melibatkan konsep sendiri seseorang. Syarifah Alawiah (1987) menyatakan konsep sendiri terhasil daripada interaksi seseorang terhadap persekitarannya yang akan membentuk suatu organisasi dan pembentukan peribadi seseorang individu. Bagi Rogers (1985) untuk membina keyakinan terhadap diri sendiri, seseorang itu perlu memperkembangkan potensi diri ke arah kesempurnaan sendiri. Kajian ini memperlihatkan penilaian sendiri terhadap tahap amalan pelaksanaan profesionalisme dalam kalangan guru berada pada tahap yang tinggi. Ini dijelaskan berdasarkan salah satu item dapatan kajian ini yang memperlihatkan bahawa guru-guru tekad untuk memantapkan diri dengan pengetahuan dalam bidang bahasa adalah pada tahap tinggi.

Kajian Zulkeflee (2011) menyatakan ilmu linguistik perlu dikuasai oleh guru Bahasa Melayu agar pengajaran guru lebih berkesan dan pelajar lebih terdorong untuk meneroka bidang bahasa. Dapatan ini selaras dengan kajian Norismayati Aida Idris (2013) et.al menyatakan masih terdapat kelemahan guru-guru bahasa Melayu untuk melonjakkan kualiti pengajaran. Justeru, guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu yang berkaitan kerana bidang pendidikan sentiasa mengalami perubahan mengikut kesesuaian dan peredaran masa.

Selain itu, kajian ini mendapati guru-guru gemar membaca bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan bidang bahasa. Menurut Azizah Abdul Rahman (1987) guru Bahasa Melayu perlu mempertingkatkan aktiviti membaca. Pelbagai bahan bacaan bercetak dan visual boleh dipilih malah terdapat pelbagai artikel dan jurnal telah ditulis oleh para penyelidik. Aktiviti membaca pastinya memberikan impak yang besar terhadap penguasaan dalam ilmu bahasa malah tanpa dirancang tahap keyakinan guru dapat dipertingkatkan. Sebagai contoh, pengetahuan tentang ilmu linguistik adalah perlu kepada guru-guru Bahasa Melayu di sekolah. Hal ini berkaitan dengan aspek linguistik yang merupakan komponen asas untuk memahami Bahasa Melayu.

Namun begitu, dapatan kajian dalam aspek penilaian sendiri memperlihatkan tahap interpretasi yang sederhana pada item 7,8 dan 9. Ini memperlihatkan bahawa masih terdapat guru yang kurang yakin dengan amalan profesionalisme sebagai seorang guru Bahasa Melayu. Situasi ini memperlihatkan guru belum benar-benar mencapai tahap profesionalisme yang sepatutnya.. Perubahan-perubahan dalam sistem pendidikan menuntut guru mengawal emosi, inovatif, tekun dan berdedikasi. Sikap-sikap tersebut sangat memberi kesan terhadap peningkatan yang positif terhadap profesion keguruan. Justeru, kejujuran guru dalam menilai profesionalisme bagi item-item penilaian sendiri dalam kajian ini sangat perlu untuk membolehkan pihak yang berkenaan mengatur tindakan susulan.

Kajian juga menunjukkan guru-guru Bahasa Melayu belum bersedia menghadapi cabaran yang akan mempengaruhi amalan profesionalisme sebagai guru Bahasa Melayu. Dalam

profesion keguruan, guru perlu patuh dengan setiap pekeling yang dikeluarkan oleh pihak atasan sama ada daripada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pentadbir sekolah. Pelbagai pekeling telah dan kerap kali diubah mengikut keperluan semasa bagi meningkatkan dan menjamin kualiti profesion keguruan. Perubahan-perubahan ini adalah salah satu cabaran bagi guru melaksanakan tanggungjawab hakiki sebagai seorang guru.

Dewasa ini guru dibebani dengan pelbagai tugas, malah terpaksa berhadapan dengan tekanan daripada masyarakat. Menurut Dunham (1977) tekanan yang dihadapi oleh guru adalah satu masalah yang serius. Isu pendidikan lebih-lebih lagi dalam pencapaian akademik pelajar sentiasa diberi perhatian dalam masyarakat. Menurut kajian Soh Kay Cheng (1987) masyarakat sentiasa meletakkan jangkaan yang sangat tinggi terhadap guru lebih-lebih lagi dengan pemodenan yang berlaku, masyarakat mahukan pencapaian akademik yang terbaik buat cahaya mata mereka. Namun, guru pada hari ini dipertanggungjawabkan dengan pelbagai perkara seperti penilaian berasaskan sekolah, pengisian markah ujian, laporan pengajaran, mengemaskini data murid, terlibat dengan aktiviti ko-kurikulum dan lain-lain lagi. Ini disokong oleh Blasé dan Mathews (1984) yang menyatakan guru dibebani dengan tanggungjawab perkeranian. Justeru, guru juga perlu bersedia dengan persekitaran masyarakat dan organisasi kerana secara tidak langsung faktor ini akan mempengaruhi sikap guru dan ini akan memberi kesan terhadap nilai dalam profesion keguruan.

Di samping itu, didapati guru-guru terkesan dengan isu penggunaan Bahasa Melayu pada masa kini. Ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru menyedari bahawa tanggungjawab meletakkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia adalah terletak pada bahu guru-guru Bahasa Melayu. Sikap guru yang positif terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu menjadi faktor yang utama dalam menanamkan minat pelajar untuk menggunakan serta mempelajari Bahasa Melayu. Lantaran itu, guru mestilah mengelakkan penggunaan bahasa dialek, bahasa campuran atau bahasa basahan ketika berkomunikasi dengan pelajar. Situasi ini tambah meruncing apabila penyalahgunaan Bahasa Melayu di media sosial semakin berleluasa. Penyalahgunaan Bahasa Melayu di paparan media sosial memberi implikasi yang negatif kepada para pelajar. Antaranya ialah peningkatan gejala sosial di kalangan pelajar sangat dipengaruhi oleh penggunaan bahasa kurang sopan dan mengandungi unsur seks ketika berkomunikasi di media sosial. Situasi ini menyebabkan kesantunan bahasa di kalangan pelajar semakin meluntur. Oleh itu, guru wajar memandang berat akan isu penggunaan Bahasa Melayu agar kecelaruan bahasa yang timbul tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Selain itu, karenah murid yang kerap kali menimbulkan masalah disiplin juga merupakan satu cabaran bagi guru untuk melaksanakan amalan profesionalisme keguruan. Masalah disiplin di kalangan pelajar perlu diselesaikan bersama-sama antara guru dan ibu bapa pelajar yang terlibat namun sebaliknya yang berlaku terdapat segelintir ibu bapa yang meletakkan kesalahan pada guru tanpa usul periksa apabila anak-anak dikenakan tindakan disiplin dan tambah mengecewakan lagi tindakan guru sering dipersoalkan. Situasi ini menambahkan lagi tekanan terhadap guru. Penyataan ini disokong oleh Locke (2014) dengan penjelasan seseorang akan berasa senang dan berjaya dalam pekerjaan apabila didorong oleh emosi yang positif dan menggembirakan.



Hasil dapatan penilaian sendiri ini turut mendapati wujud golongan guru yang masih tidak berkeyakinan melahirkan modal insan yang menjadi matlamat pendidikan negara. Dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) pembangunan Malaysia mensasarkan faktor modal insan sebagai salah satu strategi yang penting. Kementerian Pelajaran Malaysia (2014) telah meneliti konteks yang bersesuaian dengan kemahiran abad ke 21 mengikut acuan Malaysia bagi melahirkan modal insan yang mampu cemerlang di peringkat global. Menurut Sidek Baba (2011) modal insan adalah pembentukan manusia yang perlu dilahirkan bersesuaian dengan keperluan masa dan lingkungan cabaran semasa. Pernyataan ini menjelaskan guru berperanan dalam menyediakan modal insan yang bukan sahaja menguasai akademik tetapi juga mempunyai kemahiran yang mampu bersaing di peringkat global. Ini adalah satu cabaran yang agak sukar namun perlu dilaksanakan oleh golongan pendidik. Dalam hal ini, nilai kesungguhan guru dalam merealisasikan hasrat tersebut sangatlah ditekankan.

### Rumusan

Secara keseluruhannya, guru mestilah mempunyai nilai keperibadian yang tinggi bagi meletakkan profesionalisme ke tahap yang terbaik. Profesion keguruan memerlukan guru mempunyai jiwa yang kental dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah terhadap agama, bangsa dan negara. Hayati dan fahami hasrat dan aspirasi yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Kurikulum yang dihasratkan akan dapat dilaksanakan apabila guru meningkatkan kefahaman terhadap sesuatu transformasi dan bersedia menerima dan menyesuaikan dalam persekitaran pelajar dan organisasi pendidikan. Tugas seorang guru bukanlah satu tugas yang mudah tetapi jati diri seorang guru akan dapat meletakkan aspek nilai sebagai keutamaan dalam setiap tindakan apabila guru berhadapan dengan apa jua permasalahan dan cabaran.

### Rujukan

- Ab. Halim Tamuri , Khadijah Abdul Razak, Mohd Aderi Che Noh , Mohd Izham Hamzah. (2016). Persepsi Murid-Murid Terhadap Amalan Guru Pendidikan Islam Di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 3(1), 18 – 40
- Abdul Rahman Md. Aroff. (2008). *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. UPM Serdang
- Abū Ḥanīfah, al-Nu‘mān bin Thābit. (2001) *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī (pnyt). Miṣr: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Blasé, J. J., & Matthews, K. (1984). How principals stress teachers. *The Canadian School Executive*, 4, 8-11.
- Carl R. Rogers. (1985). *Toward A More Human Science Of The Person*. Research Article pp. 7–24
- Colin Brock. (2011). *Education as a Global Concern*.
- Dunham, J. (1977) *Stress Situation and response* In: National Association of School Master.
- Esah Sulaiman. (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai, Johor: UTM.
- Ezwafahmey Ahmad Kusaini .(2018). Tahap Kesiediaan Guru Cemerlang Bahasa Melayu Terhadap Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional di Sekolah Menengah di Negeri Melaka, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 63-73.
- Ezura Nasir, Zamri Mahamod. (2020). Kesantunan Berbahasa dalam Kalangan Guru Bahasa di Sebuah Sekolah Aliran Agama, *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 19(1), 1-25

- Fathiah Saini. (2005). Kepimpinan pengajaran daripada perspektif Islam di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Foo Say Fooi. (2005). *Etika Perguruan Jaminan Peningkatan Profesionalisme*. (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ghazzali, Imam Muhammad. (1992). *The alchemy of happiness*, trans. A. Aram, Tehran: Ganjineh.
- Hord, S. (1997). *Professional learning communities: Communities of continuous inquiry and improvement*. Austin, Texas: Southwest Educational Development Laboratory.
- Ismail, M. L. H. & Mat Hassan, A. F. (2016). Kesantunan Berbahasa Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM). *Proceedings of the ICECRS 1(1)*: 959–966.
- Jeffery Tikok. (2018). Sikap dan Jantina Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Daerah Serian Terhadap Pemilihan Bantu Mengajar, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1),13-21.
- Jamil Abd Baser, Nurul Syuhada Mohd Suhaimi, Hasyamuddin Othman<sup>3</sup>, Azman Hasan<sup>4</sup>, Mohd Bekri Rahim<sup>5</sup> & Mohd Faizal Amin Nur Yunus. (2017). Standard Guru Malaysia Dalam Program Persediaan Guru Reka Bentuk dan Teknologi. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*.Putrajaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). Standard Guru Malaysia. (2009): Bahagian Pendidikan Guru.
- Locke,E.A. (2014) . *How To Create A Successful New Theory*, Academy Of Management
- Mohd Anuar Mamat, Muhammad Lukman Ibrahim,Che Zarrina Sa'ari, Syed Mohammad,Hilmi Syed Abdul Rahman, Zawawi Ismail.Wan Suhaimi Wan Abdullah.Che'Razi Jusoh.(2018).Domain Diri dalam Adab Guru Menurut Imam Abū Ḥanīfah(Kajian Ke Arah Membentuk Etika Profesion Perguruan Islam) *Jurnal At-Ta'dib*,13(1),105-138.
- Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Paris Saleh, & Saedah Siraj. (2016). Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran M-Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(4),12–24.
- Noran Fauziah Yaakub.,Rafaei Abd Rahman, Wan. (1993). *Sumber Manusia Dalam Organisasi*,Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norlia Melawi (1999). Faktor yang Mendorong Pemilihan Kerjaya Penguruan di Kalangan Pelajar Tahun Satu, Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan, Fakulti Pendidikan di UTM Skudai,
- Norma Hussien. (2010). Hubungan antara penggunaan BBM dengan minat murid-murid. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norismayati Aida Idris, Anida Sarudin, Mohd. Rashid Md. Idris. (2013). Amalan Guru dan Penguasaan Aspek Ilmu Linguistik dalam Kalangan guru Bahasa Melayu di Perak.*Jurnal Pendeta Bahasa Melayu, Pendidikan dan Kesusasteraan.*( 4),116-142
- OECD. (2016).*Education at a Glance 2016:OECD Indicator*,Paris :OECD Publishing.
- Sidek Baba. (2011). *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn. Bhd.
- Syarifah Alawiah Aisagoff. (1987). *Psikologi Pendidikan I*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Zainun. (1994). Profesion guru dan cabaran. Mestika, November.